

Kurangkan bayaran bagi golongan pendapatan rendah

Mengambil lesen memandu adalah penting kerana melalui kelas memandu, seseorang itu diajar memandu secara berhemah dan mengikut undang-undang.

Justeru, kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar yang mencadangkan pemandu tiada lesen memandu akan terus didakwa dan tidak lagi dikompau. Ibu bapa juga tidak terkecuali akan didakwa jika anak mereka menunggang motosikal tanpa lesen.

Ia adalah baik dan akan berkesan jika dapat dikuatkuasakan secara berterusan. Namun, adalah lebih baik jika kerajaan dapat mengurangkan harga kursus memandu yang agak membebaskan khususnya mereka yang berpendapatan rendah yang amat memerlukan pengangkutan untuk

ke tempat kerja. Dengan kos pengambilan lesen memandu meningkat, mahu tidak mahu ada yang terpaksa menggunakan kenderaan tanpa lesen memandu.

Kos untuk pengambilan lesen memandu bagi motosikal kelas B2 meningkat daripada RM211 kepada RM350 bermula September 2014.

Sengaja ambil kesempatan

Kos bagi kereta kelas D (manual) dan kelas DA (auto) pula masing-masing adalah RM1,150 dan RM1,250. Bagaimanapun, institut memandu berhak mengenakan bayaran lain mengikut komponen ditetapkan.

Ada sesetengah institut memandu yang sengaja mengambil kesempatan mengenakan sehingga RM1,800 bagi pengambilan lesen memandu kelas D dan ini

adalah tidak masuk akal.

Kerajaan seharusnya mengawal caj perkhidmatan ditetapkan institut memandu supaya selaras dan tidak ada yang menaikkan harga sesuka hati. Institut memandu juga perlu akur dengan harga siling ditetapkan Jabatan Pengangkutan Jalan dan tidak sewenang-wenangnya meletakkan caj perkhidmatan yang tidak munasabah.

Jika dilihat daripada statistik saman bagi kesalahan memandu tanpa lesen yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 17,053 saman membabitkan remaja berusia antara 16 hingga 25 tahun pada tahun 2005 dicatatkan berbanding 172,617 saman tahun sebelumnya.

Jika mengikut pecahan umur, remaja berusia 16-25 tahun adalah adalah mereka yang sering

membuat keputusan terburu-buru tanpa memikirkan kesan jangka panjang dan sering menggunakan kenderaan tanpa lesen serta tanpa pengetahuan ibu bapa.

Letak harga minimum

Kos peningkatan harga lesen menjadi faktor menyebabkan golongan remaja terutama pelajar tidak mampu mengambil lesen memandu menyebabkan mereka mengambil jalan mudah memandu secara curi-curi tanpa lesen.

Bagi menggalakkan mereka mengambil lesen, kerajaan perlu meletakkan harga minimum untuk pelajar sebagai satu usaha membendung kes memandu tanpa lesen yang semakin meningkat dalam kalangan golongan ini.



Raihanah Bahrin,

Universiti Sains Islam Malaysia.